

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MAYKA WAY TRADING
MUAR, JOHOR

OLEH
ABDUL HADI BIN ARSHAD
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

2250

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039878

LI 1 FPE 2 2005



1100039878

Laporan akhir latihan industri di Mayka Way Trading Muar, Johor / Abdul Hadi Arshad.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100039878

21030 KUALA TERENGGANU
1100039878

Lihat sehelah



LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI MAYKA WAY TRADING, MUAR, JOHOR.

Disediakan Oleh

**ABDUL HADI BIN ARSHAD
SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2005

1100039878

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya **ABDUL HADI BIN ARSHAD, UK8867**, mengakui bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala jenis bentuk tulisan yang terdapat di dalam laporan Latihan Industri ini merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terlibat atau terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



Nama : **ABDUL HADI BIN ARSHAD**

Tarikh : **20 November 2005**

Disahkan Oleh:



Prof Madya Dr Hj Abdul Razak Kamaruddin

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM.

PRAKATA

Latihan Industri merupakan salah satu program wajib fakulti yang telah disyaratkan kepada semua pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) di bawah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) untuk membolehkan pelajar menamatkan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Maritim).

Latihan Industri ini mengambil masa selama 12 minggu bermula pada 21 Mac 2005 hingga 12 Jun 2005 dan disepanjang tempoh tersebut, para pelajar akan ditempatkan di firma-firma swasta atau badan-badan kerajaan untuk mendalami bidang-bidang kerja pentadbiran dan pengurusan organisasi yang berkaitan dengan bidang pengkhususan pelajar. Semasa menjalani Latihan Industri ini, pelatih-pelatih akan dapat mengaplikasi teori yang telah dipelajari dalam kuliah dengan realiti di dalam alam pekerjaan selain memahami nilai dan etika professional.

Selain itu, sepanjang tempoh Latihan Industri, pelajar telah dikawalselia oleh kakitangan organisasi dan juga penyelia dari pihak KUSTEM sendiri. Penyelia organisasi bertanggungjawab membimbing dan memberi tunjuk ajar di bawah pengawalannya melalui borang penilaian yang akan diserahkan secara telus kepada Bahagian Latihan Industri di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi sebaik sahaja Latihan Industri ini ditamatkan.

Manakala penyelia pula bertanggungjawab untuk menilai laporan pelajar dan memutuskan gred yang akan diperolehi oleh pelatih.

Walaupun dalam tempoh masa yang singkat iaitu selama 12 minggu sahaja, namun sewajarnya sebagai seorang bakal graduan berkenaan haruslah mampu untuk mempelajari dan memahami setiap yang terbaik dan menjadikan iktibar setiap yang berlaku di tempat Latihan Industri pelatih.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	i
RINGKASAN EKSEKUTIF	iii
BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI	
1.1 Latar Belakang Syarikat	1
1.2 Aktiviti Utama Syarikat	2
1.3 Maklumat Organisasi	3
1.4 Carta Organisasi Syarikat	4
1.5 Fungsi dan Aktiviti Bahagian	5
1.6 Kemahiran Yang Ingin Dipelajari	6
BAB 2: PENILAIAN SISTEM	
2.1 Sistem Kewangan	8
2.1.1 Objektif Sistem Kewangan	9
2.2 Sistem Pengangkutan/Penghantaran Barang	10
2.2.1 Objektif Sistem Pengangkutan/Penghantaran Barang	11
2.3 Sistem Penerimaan Barang	12
2.3.1 Objektif Sistem Penerimaan Barang	13
2.4 Analisa Terhadap Sistem Kerja Yang Telah Dipelajari	14
2.4.1 Mengawal Pengaliran Wang Keluar-Masuk	14
2.4.2 Merekod Bil-bil Tunai Semasa Syarikat	14
2.4.3 Merekod Pembahagian Komisen Semasa Bagi Setiap Pemandu	15
2.5 Pengenalpastian Masalah	16
2.5.1 Masalah Tuntutan Cek Yang Tidak Dipenuhi	16
2.5.2 Masalah Yang Berkaitan Dengan Syarikat Yang Membatalkan Urusan Penghantaran ketika Barang sudah di dalam Perjalanan	16
2.6 Cadangan Penyelesaian	17
2.7 Pelaksanaan cadangan dan Implikasi	18

BAB 3: PENUTUP

3.1	Cadangan Keseluruhan Organisasi	19
3.2	Cadangan Untuk Latihan Industri	20
3.3	Kesimpulan	21
	 Rujukan	22
	Lampiran	23

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat saya menjalani Latihan Industri di Mayka Way Trading selama 12 minggu dengan selamatnya serta dapat menyiapkan laporan Latihan Industri ini dengan jayanya.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Hj Abdul Razak Kamaruddin, selaku Penyelia Industri KUSTEM. Beliau banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan di sepanjang tempoh saya menjalani Latihan Industri ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan Mayka Way Trading yang memberi peluang kepada saya untuk menjalani Latihan Industri selama 12 minggu. Sepanjang tempoh itu saya berpeluang untuk mengaplikasikan teori-teori yang telah saya pelajari di samping memberi gambaran sebenar tentang alam pekerjaan. Sepanjang tempoh tersebut juga, pelbagai pengalaman dan pengetahuan yang amat berharga dapat saya pelajari. Saya juga ingin mengucapkan kepada Pengarah Urusan Mayka Way Trading iaitu Mr. Toh Chin Tuan selaku Penyelia Organisasi diatas kerjasama yang diberikan kepada saya. Tidak dilupakan kepada kakitangan pengurusan dan para pemandu yang terlibat secara langsung

atau tidak di dalam memberi tunjuk ajar dan bantuan sepanjang saya menjalani Latihan Industri.

Juga sekalung budi saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Saharuddin bin Dato' Abdul Hamid dan Ahli Jawatankuasa Latihan Industri, serta kakitangan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi(FPE), KUSTEM yang telah berjerih payah bagi memastikan saya dapat menjalani Latihan Industri dengan sempurna dan selamat sebelum, semasa dan selepas tempoh Latihan Industri.

Akhir sekali, setinggi-tinggi ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan khas buat kedua-dua ibu bapa saya, ibu bapa mertua saya, tunang tersayang yang sentiasa berdiri teguh di belakang saya memberi kata-kata semangat serta sokongan di samping bantuan kewangan kepada saya. Sekuntum kasih kepada adik, rakan-rakan dan pihak-pihak terlibat yang banyak membantu semasa dan selepas laporan Latihan Industri ini disiapkan.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri merupakan satu komponen subjek yang wajib dan sangat penting di dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Melalui Latihan Industri ini pelatih dapat mempelajari dengan lebih mendalam lagi mengenai teori dan pengajaran yang selama ini hanya dipelajari di dalam bilik kuliah. Sepanjang tempoh pengajian di Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Pelatih telah didedahkan dengan pelbagai situasi di samping aspek kemahiran asas profesionalisme pekerjaan yang berkait rapat dengan program pengajian. Sepanjang tiga bulan menjalani Latihan Industri, pelatih telah ditempatkan di Mayka Way Trading, syarikat yang menjalankan perniagaan berteraskan perkhidmatan pengangkutan. Syarikat yang telah ditubuhkan pada 1 April 2004 ini juga dikenali dengan nama Mega Way Transport. Sepanjang 12 minggu berada di Mayka Way Trading, pelatih telah ditempatkan di Bahagian Pengurusan dan Kewangan. Oleh demikian sepanjang menjalani Latihan Industri ini, pelatih berpeluang mempelajari pelbagai aspek pengurusan dan pentadbiran organisasi melalui pemerhatian serta penglibatan secara langsung di Bahagian Pengurusan. Selain itu, pelatih juga dapat mengenal pasti sistem kerja yang diguna pakai dalam syarikat. Sistem kerja yang dimaksudkan ialah Sistem Kewangan, Sistem Pengangkutan/Penghantaran Barang dan Sistem Penerimaan Barang. Melalui analisis yang pelatih jalankan, terdapat beberapa masalah wujud dalam sistem kerja. Justeru itu, beberapa cadangan penyelesaian telah dicadangkan pelatih bagi menyelesaikan masalah yang timbul dan dapat membantu pihak pengurusan untuk memperbaiki sistem pengurusan agar berjalan dengan sistematik. Segala cadangan dan kaedah penyelesaian merupakan idea pelatih berdasarkan pengaplikasian teori yang dipelajari dalam kuliah dan pemerhatian sepanjang tempoh Latihan Industri.